

20 JUN 1996

Mahathir-Microsoft

MAHATHIR MAHUKAN BANTUAN BILL GATES DALAM MEWUJUDKAN KORIDOR MULTIMEDIA

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang bercuti di Victoria, Vancouver, telah membuat lawatan sehari ke ibu pejabat syarikat Microsoft di Seattle, Washington, pada Isnin lepas di mana beliau menemui pengasas syarikat itu, Bill Gates.

Menurut sumber-sumber rasmi pada Rabu, Perdana Menteri yang diberi taklimat dan dibawa melawat ibu pejabat Microsoft, berada di situ untuk mempelawa Gates memainkan peranan penting dalam membantu mewujudkan Koridor Super Multimedia Malaysia (MSC) yang akan menganjur dari pusat bandaraya Kuala Lumpur hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Menurut sumber-sumber itu, Dr Mahathir mahukan Gates yang memang terkenal kerana kepintarannya dalam menjadikan Microsoft sebagai syarikat perisian komputer yang terkemuka di dunia, menganggotai panel yang bertanggungjawab dalam mewujudkan MSC.

Lawatan impromptu Dr Mahathir mungkin merupakan sebahagian daripada strategi beliau untuk menarik pakar-pakar daripada Timur dan Barat dalam memastikan kejayaan projek teknologi tinggi itu.

Dr Mahathir pada bulan lepas melakukan lawatan kerja singkat ke Tokyo, San Francisco dan Washington DC untuk menemui ahli-ahli perniagaan di negara-negara itu untuk mempelawa mereka menyertai projek berwawasan jauh itu. Pada lawatan itu beliau juga melawat Taman Teknologi Universiti Stanford dan Sun Microsystems, sebuah lagi syarikat pembuat perisian komputer di lembah silikon California.

Dr Mahathir mahu menarik industri-industri berasaskan teknologi tinggi seperti pembuat komputer dan perisiannya serta fabrikasi wafer supaya membuka kilang-kilang mereka di Malaysia, khasnya dalam kawasan MSC.

MSC adalah kawasan seluas, 15 km kali 40 km, menghubungkan KLCC, Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Sepang yang dijangka siap pada 1998.

Ketiga-tiga projek raksaksa ini dijangka menyediakan pasaran terbesar bagi produk dan perkhidmatan multimedia dan pada masa yang sama MSC juga dijangka menyediakan perkhidmatan bagi pasaran serantau dan dunia bagi produk dan perkhidmatan multimedia.

Menurut sumber-sumber itu, lawatan Dr Mahathir ke Microsoft diuruskan oleh ahli perniagaan Malaysia Ananda Krishnan.

Krishnan merupakan pemilik syarikat telekomunikasi iaitu Binariang yang memiliki satelit pertama negara iaitu, Satelit Asia Timur Malaysia I (Measat I) yang dilancarkan pada Januari. Binariang juga dijangka melancarkan sebuah lagi satelit, Measat II pada September.

Strategi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang baru dilancarkan ialah meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia dalam teknologi tinggi supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan dan mengurangkan penggantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Malaysia yang kadar penganggurannya sangat rendah kini menjadi tuan rumah kepada lebih sejuta pekerja asing. -- BERNAMA

SH AU PR